



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 OKTOBER 2021 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 OKTOBER 2021 (JUMAAT)

Pengeluar arak Timah mohon tempoh tukar nama

Putrajaya: Pengeluar arak jenama 'TIMAH', Winepark Corporation (M) Sdn Bhd memohon tempoh seminggu untuk berbincang dengan pemegang saham dan lembaga pengarah, bagi menukar nama dan imej pada label produk keluaran syarikat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata perkara itu antara keputusan yang dicapai dalam pertemuan wakil syarikat berkenaan bersama wakil kerajaan kelmarin.

Beliau berkata, pertemuan itu yang dipengerusikannya disertai Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

"Kerajaan mengambil maklum dan prihatin terhadap isu jenama 'TIMAH' pada produk arak keluaran tempatan yang dibincangkan di media elektronik dan sosial sejak ia dilancarkan pada awal Oktober lalu.

"Pertemuan secara hybrid itu diadakan dalam suasana harmoni menghayati konsep Keluarga Malaysia bagi mencapai satu kesepakatan, demi kebaikan negara.

"Ini juga susulan pertemuan pertama yang diadakan di antara syarikat Winepak (M) Sdn Bhd bersama MyIPO pada 25 Oktober lalu," katanya.

Selain itu, Alexander berkata, KPDNHEP melalui MyIPO akan menambah baik prosedur yang membabitkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan supaya isu yang sama tidak berulang, pada masa hadapan.

Katanya, beliau berharap semua pihak dapat memahami serta memberi peluang kepada kerajaan mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk semua pihak.

Penggunaan jenama 'TIMAH' pada arak keluaran tempatan itu serta gambar seorang lelaki yang dikatakan berketayap pada labelnya, menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan umat Islam serta turut dibincangkan dalam Sidang Dewan Negara.

 KPDNHEP melalui MyIPO akan menambah baik prosedur yang membabitkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan supaya isu sama tidak berulang 

Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna





ARAK jenama Timah yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini.

Arak Timah akan ditukar nama, imej

PUTRAJAYA — Syarikat pengeluar arak jenama Timah, Winepark Corporation (M) Sdn. Bhd. bersedia mempertimbang untuk menukar nama dan imej pada label produk itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, hasil perbincangan, syarikat itu memohon tempoh satu minggu untuk berbincang dengan pemegang saham dan lembaga pengarah bagi menukar nama serta imej minuman keras tersebut.

Menurut beliau, perkara itu merupakan antara keputusan yang dicapai pada pertemuan wakil syarikat berkenaan bersama pihak kerajaan.

"Ia susulan pertemuan pertama antara syarikat Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 25 Oktober lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Alexander, pihaknya akan menambah baik prosedur yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan agar isu sama tidak berulang pada masa hadapan.

"Semua pihak diharap supaya memahami dan beri peluang kepada kerajaan mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk semua pihak," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan isu pengeluaran arak jenama Timah menjadi kontroversi berikutan nama yang dikaitkan dengan orang Melayu dan Islam iaitu Fatimah.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd. Noor menggesa kerajaan menggarahkan syarikat terbabit menukar nama Timah serta gambar arak itu bagi memelihara suasana harmoni antara kaum di negara ini.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 1

**COMPANY AGREES TO DISCUSS NAME
CHANGE FOR TIMAH WHISKEY** » PAGE 12

DECISION IN ONE WEEK

'Timah' company to discuss possible name change

DHEEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

WINEPARK Corporation will discuss with its board of directors and stakeholders the possibility of renaming its Timah whiskey and change the image on the label.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yesterday said the company had requested one week to come up with a decision on the matter.

"This was the outcome achieved in a meeting between the government and the company representatives yesterday (Wednesday).

"The meeting, held online, was conducted in a harmonious way in line with the Keluarga Malaysia concept to reach an amicable

solution for the good of the country.

"The meeting was a follow-up to the first meeting held between Winepark Corp and the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on Oct 25."

Communications and Multimedia Minister Tan Sri Annuar Musa, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Idris Ahmad and National Unity Minister Datuk Halimah Mohamed Sadique joined Nanta in the meeting.

The meeting was also attended by Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Energy and Natural Resources Ministry deputy secretary-general Abdul Wahid Abu Salim, MyIPO director-general Abdul Haris Lakar as well as representatives from the Malaysian Islamic Development Depart-



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

ment (Jakim), Home Ministry and the International Trade and Industry Ministry.

Malaysian-made whisky Timah received brickbats from some Malay Muslim netizens who believed the name "Timah" was a shortened version of the Arabic name Fatimah. Some also said that the image of a bearded man wearing headgear on the label was that of a Muslim man.

The company, on Oct 15, said the product was named "Timah" ("tin" in Malay) due to the historical origins of whiskey liquor brought in by the British to Malaya during the tin-mining era.

The bearded man displayed on the bottle, it said, was a depiction of Captain Speedy, a former Assistant British Resident in Larut, Perak, who was a key figure in introducing whiskey during the colonial period.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 1



Pertimbang tukar nama arak Timah

Syarikat pengeluar mohon tempoh seminggu hasil pertemuan dengan kerajaan

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Syarikat pengeluar arak jenama Timah, Winepark Corporation (M) Sdn Bhd akan mempertimbang menukar nama Timah dan imej pada produk keluaran mereka itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, syarikat berkenaan memohon tempoh selama satu minggu untuk berbincang dengan pemegang



ALEXANDER NANTA LINGGI

Laporan Sinar Harian pada 19 Oktober.



saham dan lembaga pengaruh mengenai penukaran nama dan imej pada label produk berkenaan.

Menurutnya, perkara berkenaan adalah antara hasil keputusan yang telah dicapai dalam pertemuan wakil syarikat itu bersama pihak kerajaan baru-baru ini.

“Kerajaan mengambil maklum dan prihatin terhadap isu jenama Timah pada sebuah produk arak keluaran tempatan yang dibincangkan di media elektronik dan sosial sejak ia dilancarkan pada awal Oktober lalu.

Justeru satu mesyuarat telah diadakan yang melibatkan beberapa orang menteri dengan

syarikat pengeluar iaitu Winepark Corporation (M) Sdn Bhd. Saya telah mempengerusikan mesyuarat tersebut,” kata-nya dalam satu kenyataan pada Kamis.

Jelasnya, mesyuarat itu turut disertai Menteri Komunikasi Dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Hadir sama adalah Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli, Abdul Wahid Abu Salim; Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Abdul Haris Lakar serta wakil dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Tambah Alexander, pertemuan secara hibrid itu diadakan dalam suasana harmoni menghayati konsep Keluarga Malaysia bagi mencapai satu kesepakatan demi kebaikan negara.

Katanya, pertemuan itu juga merupakan susulan pertemuan pertama yang telah diadakan antara syarikat Winepark Corporation (M) Sdn Bhd bersama MyIPO pada 25 Oktober 2021.

“Di samping itu, KPDNHEP melalui MyIPO akan menambah baik prosedur yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi-agensi berkaitan supaya isu yang sama tidak berulang lagi pada masa hadapan.

“Saya berharap semua pihak dapat memahami serta memberi peluang kepada kerajaan mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk semua pihak,” ujarnya.

ISU ARAK TIMAH

Seminggu tukar imej, nama

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Engeluar arak tempatan jenama Timah memohon tempoh seminggu bagi menukar nama dan imej pada label produk arak keluaran mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, keputusan itu dicapai hasil perbincangan kerajaan dengan syarikat pengeluar arak terbaik, Winepak Corporation (M) Sdn Bhd.

"Melalui perbincangan yang diadakan, syarikat ini memohon tempoh seminggu untuk berbincang dengan pemegang saham dan lembaga pengarah bagi menukar nama serta imej pada label produk arak keluaran mereka.

"Perkara ini antara hasil keputusan yang dicapai dalam pertemuan wakil syarikat berkenaan bersama kerajaan semalam (kelmarin)," katanya dalam kenyataan semalam.

Alexander berkata, pihaknya mengambil maklum dan prihatin terhadap isu jenama Timah yang dibincangkan di media elektronik dan sosial sejak dilancarkan awal Oktober lalu.

"Saya mempengaruhi mesyuarat ini yang turut disertai Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

"Selain itu,

mesyuarat secara hibrid ini turut dihadiri Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Abdul Wahid Abu Salim, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Abdul Haris Lakar, wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri," katanya.

Menurutnya, pertemuan itu diadakan dalam suasana harmoni dan menghayati konsep Keluarga Malaysia bagi mencapai satu kesepakatan demi kebaikan negara.

"Pertemuan ini juga susulan pertemuan pertama yang diadakan antara syarikat Winepak bersama MyIPO pada 25 Oktober lalu," katanya.

Arak Timah menjadi kontroversi berikutan jenama yang dianggap berkaitan nama orang Melayu dan Islam iaitu Fatimah tetapi syarikat pengeluarnya mendakwa ia merujuk kepada bijih timah.

Label pada botol arak itu juga menggunakan paparan lelaki berjanggut dan memakai kopiah dipercayai Kapten Tristram Speedy yang juga kapten polis di Larut, Perak pada 1870-an.

Malah, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd Noor turut menggesa kerajaan supaya mengarahkan syarikat pengeluar minuman berasalkohol tempatan segera menukar jenama Timah berserta gambar pada botol digunakan.



Timah whiskey to get new name

KUALA LUMPUR: It looks like the last round of Timah whiskey has been served.

Winepak Corporation (M) Sdn Bhd, the manufacturer of the local-blended alcoholic beverage, has agreed to change its name and replace the brand image on its label.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said yesterday that representatives from the company met government officials on Wednesday, and after a round of discussions, agreed to the change.

"The company has asked for a week's grace because the matter has to be raised for discussion among directors and shareholders," he said in a statement yesterday.

However, it did not stop lawmakers from continuing with the

debate over the name.

▶ Manufacturer agrees to amendment and replace brand image on product label after meeting with govt officials

Rusnah Aluai (PH-Tangga Batu) said the name gave the impression that those who drink the beverage were "drinking a Malay woman" because the brand is associated with a Malay woman's name.

She reiterated the view that the name "Timah" is deeply confusing for the Muslim community.

Furthermore, she said the image of Captain Speedy wearing a Muslim "kopiah" on the label caused even more confusion to Muslims.

The label bears the slogan "1871 - The Legend of Captain Speedy", which is a reference to Captain

Tristam Speedy, who was a prominent figure during the colonial period. He was said to have helped to end the Larut Wars in Perak at the request of Ngah Ibrahim, a local chieftain.

Rusnah said she wondered why Captain Speedy was shown wearing the kopiah rather than a hat and why the drink was named "Timah" and not "The Mines", given its association with tin mining.

Winepak had reiterated several times that the word "Timah" was a reference to tin, and the name of the whiskey was in association to the days when tin mining was a major

economic contributor.

Rusnah said it was also not good for women because "Timah" is a name for Malay women. "We have Kak Timah, Mak Timah, Mak Cik Timah. So, if we consume the whiskey, it is as though we are drinking a Malay woman," she said.

However, some members of Parliament (MP) were not on the same page as Rusnah.

Datuk Seri Azalina Othman Said (BN-Pengerang), said when she was a child, she enjoyed eating A&W hot dogs.

"If my child likes hot dogs, it does not mean that he is eating a hot dog,

We have to educate our community so that they are able to think more logically."

In sharing Azalina's views, Domestic Trade and Consumer Affairs Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said the Timah episode should not be allowed to become a precedent.

"After this, someone will say that the (A&W signature drink) root beer will get you drunk. There will be no end to it."

He also expressed the view that the Timah issue has been over-sensationalised.

Khalid Samad (PH-Shah Alam) said some MP might have turned it into a racial and religious issue, and expressed his sympathy for "those unfortunate Muslims who still believe they are under attack by non-Muslims".

Harga kit ujian Covid-19 ikut pasaran

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpandangan pasaran bebas wajar menentukan harga kit ujian kendiri Covid-19.

Mengambil pendekatan tersebut, Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, pihak kementerian tidak akan menetapkan harga jualan dan

terpulang kepada pasaran untuk menentukannya.

"Hari ini (semalam), harga jualannya hampir RM20 tetapi kita mendapat keyakinan daripada pengeluar, mereka menyakinkan kita ada sesetengahnya akan menjual bawah RM10.

"Ini yang kita nanti-nantikan. Jadi saya rasa pihak kementerian tidak perlu menentukan harga

maksimum atau harga minimum untuk kit ujian kendiri ini. Kita biarkan pasaran bebas menentukan harga tersebut," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 di Dewan Rakyat di Dewan Rakyat semalam.

Rosol menambah, kit ujian kendiri Covid-19 akan dijual bukan sahaja di farmasi atau

kedai-kedai ubat, tetapi akan diperluas penjualannya di pusat membeli-belah, rantaian kedai dan stesen-stesen minyak dalam masa terdekat.

"Jadi ini akan memudahkan lagi pengguna untuk mendapatkan kit ujian kendiri dan juga untuk memastikan bahawa berlaku persaingan sihat," jelasnya.

Penularan COVID-19

Tiada had siling harga kit ujian kendiri COVID-19

Harga ditentukan pasaran selepas KPDNHEP dapat jaminan syarikat pengeluar jual lebih murah

Oleh Zanariah Abd Mutalib
dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak akan menetapkan harga siling bagi kit ujian kendiri COVID-19.

Harga kit berkenaan akan ditentukan pasaran selepas KPDNHEP mendapat jaminan daripada syarikat pengeluar bahawa kit berkenaan akan dijual dengan harga lebih murah berbanding harga siling RM19.90 ketika ini, termasuk menjualnya pada harga bawah RM10.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kit ujian kendiri COVID-19 itu akan dijual bukan saja di farmasi dan kedai ubat, tetapi diperluas ke pasar raya, kedai rangkaian dan stesen minyak pada masa terdekat.

"Pada asalnya, kementerian bercadang menentukan harga maksimum (kit ujian kendiri COVID-19), mungkin RM15 atau



Jualan kit ujian kendiri diperluas ke pasar raya, kedai rangkaian dan stesen minyak pada masa terdekat.
(Foto hiasan)

RM13, namun apabila ramai pemain industri datang dan beradvokasi dengan kita, ada yang tawarkan untuk menjualnya di bawah RM10.

"Jika dibenarkan dijual di pasaran terbuka yang diluluskan Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA), maka mereka boleh jual dengan lebih murah.

"Jadi, saya yakin komitmen dan janji yang dibuat pemain industri ini dan akan dikotak pada akhir bulan ini.

"Jadi, kementerian beranggapan tidak perlu tentukan harga maksimum, kita biarkan pasaran menentukan harganya," katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perihal Dagaangan (Pindaan) 2021 di Dewan Rakyat yang diluluskan tanpa sebarang pindaan, semalam.

Mengenai mekanisme bagi menentukan kebolehpercayaan kit ujian kendiri yang akan dijual lebih murah itu, Rosol berkata,

kit berkenaan diluluskan MDA.

"Apabila ada cop MDA, maka ia diluluskan kerajaan, jadi tiada kerisauan. Jika tidak diluluskan, ia menjadi satu kesalahan untuk alat itu dijual.

"Jika ada penipuan dan peralatan palsu, kita terbuka untuk sentiasa menyiasat," katanya.

Mengenai RUU Perihal Dagaangan (Pindaan) 2021 yang diluluskan itu, Rosol berkata, ia adalah penambahbaikan kepada Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) supaya lebih komprehensif, bersesuaian dengan peredaran masa dan isu berbangkit masa kini.

Ia antara lain memasukkan seksyen baharu 39A ke dalam Akta 730 bagi memberikan kuasa kepada Penolong Pengawal untuk menahan mana-mana orang dipercayainya melakukan atau cuba melakukan kesalahan mengikut Seksyen 5, 16, 17, 20 atau 51 Akta 730.



Hasnol (centre) listening as Ameer (left) explains about some of the products on display under the campaign at Mydin USJ, Subang Jaya. — Photos: IZZRAFIQ ALIAS/The Star

Local brands get prime position in hypermarket

Campaign aimed at assisting SMEs and revitalising domestic economy

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

THOSE looking for great deals and bargains in daily necessities and groceries can pay a visit to Mydin.

The homegrown hypermarket chain is offering discounts and savings under its "OhMydin! Huru-Hara Pasa Raya" promotion until Jan 21 next year.

The campaign will feature over 40 local brands in store and will also be available on e-commerce platform Shopee.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said it aimed to promote local products and assist small and medium enterprises.

"This is our way of showing appreciation to our loyal customers while also giving back to the community," he said.

Ameer hoped the campaign, which is supported by Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry would help revitalise the domestic economy.

"Mydin has a responsibility to help local entrepreneurs succeed," he said at Mydin USJ in Taman Perindustrian USJ 1, Subang Jaya, where the campaign was launched by

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Hasnol applauded the initiative, saying it was in line with the ministry's "Buy Malaysia Campaign."

"We welcome any effort by retail industry players to promote local brands and grow their business," he said.

Among the brands featured in the campaign are Adami, Che Din, Enaq, KakSal, Mu'min, Tisha's and Thalia.

The products will be placed on designated shelves in Mydin stores along with their state of origin.

In conjunction with the campaign, a programme will be broadcast on a local television channel on Saturday featuring celebrities such as Noorkhiriah, Black, Sarah Suhairi, Atu Zero and Ag Azmeer.

The one-and-a-half-hour programme will also feature sales promotions along with a contest where 40 shoppers with the highest purchase amount will win grocery supplies.

There will also be various competitions in Mydin stores throughout the campaign, offering up to RM100,000 in prizes.



Customers buying towels at the hypermarket.

Sebanyak 1,523 unit pelbagai komponen, aksesori kenderaan disita

Jual alat ganti tanpa cap dagang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Tindakan dua pemilik premis menjual alat ganti dan komponen motosikal tanpa cap dagang sah membawa padah apabila ditahan pihak berkuasa dalam serbuan berasingan baru-baru ini.

Kedua-dua suspek berusia 30 dan 35 tahun itu ditangkap dalam serbuan di Klang dan Puchong pada Isnin dan Selasa lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhammad Zikri Azan berkata, pihaknya menerima aduan dan pengesahan awal daripada wakil pemilik cap dagang berdaftar yang sama berhubung dengan perlakuan kedua-dua premis yang diaudu dan disyaki terlibat dengan penyalahgunaan cap dagang tanpa kebenaran pemilik sah.

Katanya, hasil pengesahan



PEGAWAI KPDNHEP Selangor membuat pemeriksaan di premis alat ganti di Klang dan Puchong minggu lalu.

dan pengecaman ke atas barang dijumpai di dua premis itu mendapat telah menggunakan nama

jenama atau cap dagang pemilik tanpa kebenaran.
"Susulan sejumlah 1,523 unit

barang yang terdiri daripada pelbagai jenis komponen alat ganti motosikal dan aksesori di

kedua-dua premis itu serta beberapa dokumen urus niaga telah disita untuk siasatan lanjut.

"Anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan bagi kedua-dua premis yang diserbu tersebut adalah RM46,728," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, kedua-dua suspek kemudiannya dilepaskan dengan jaminan polis selepas merakam keterangan mereka.

Tambahnya, dua kertas siasatan telah dibuka dan kes disiasat di bawah Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Sabit kesalahan boleh denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjarra tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

"Bagi pertubuhan perbadanan boleh denda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan cap dagangan berdaftar," tegasnya.



PASUKAN penguat kuasa KPDNHEP Selangor melakukan pemeriksaan ke atas premis menjual alat ganti motosikal yang disyaki menjalankan perniagaan menggunakan cap dagangan tidak sah. - Gambar ihsan KPDNHEP Selangor

Shah Alam: Dua premis menjual alat ganti motosikal disyaki menjalankan perniagaan menggunakan cap dagangan tidak sah diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dalam dua serbuan berasingan, baru-baru ini.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan dibuat susulan aduan wakil pemilik cap dagang berdaftar yang mengesyaki premis terbabit menyalahguna cap dagang tanpa kebenaran pemilik sah.

Katanya, bertindak atas maklumat, KPDNHEP Selangor menyerbu premis di Klang pada 25 Oktober dan Puchong pada 26 Oktober.

"Serbuan terhadap kedua-dua premis itu disertai

Serbu dua kedai alat ganti guna cap dagang tak sah

wakil pemilik cap dagang bagi tujuan pengesahan dan pengecaman terhadap cap dagang disyaki tidak sah.

"Siasatan mendapati, barang yang dijumpai di kedua-dua premis seperti pelbagai jenis komponen alat ganti motosikal dan aksesori dijual dan dipamerkan didapati menggunakan nama, jenama, cap dagang pemilik cap dagang secara tanpa kebenaran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhamad Zikril Azan berkata, dua orang yang disyaki (OYDS) ditahan di premis masing-masing serta rakan percakapan diambil bagi tujuan siasatan dan di-

lepaskan dengan jaminan polis.

"Kedua-dua OYDS yang ditahan semasa serbuan adalah pemilik premis, masing-masing adalah lelaki berusia 30 dan 55 tahun.

"Dalam serbuan itu, jumlah 1,523 unit barang terdiri daripada pelbagai jenis komponen alat ganti motosikal dan aksesori dirampas manakala beberapa dokumen urus niaga lain turut disita bagi tujuan siasatan.

"Anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan bagi kedua-dua premis diserbu adalah RM46,728," katanya.

Beliau berkata, dua kertas

siasatan dibuka dan kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019, mempunyai dalam kawalannya bagi maksud perdagangan barang-barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

"Sabit kesalahan seseorang boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjara tidak melebihi tidak tahun atau kedua-duanya dan bagi pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan cap dagangan berdaftar," katanya.



Seludup petrol guna paip rentas Sungai Golok

Modus operandi terbaru salur bahan api secara haram

Pasir Mas: Batalion Ke-9 Pasukan Gerakan Am (PGA9) yang menjalankan Op Benteng COVID-19 di sempadan Malaysia-Thailand, di sini mengesahkan modus operandi terbaru penyeludup bahan api iaitu dengan menyalurkan terus petrol ke negara jiran menggunakan salu-

ran paip.

Pegawai Pemerintah PGA9, Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata saluran paip getah sepanjang 300 meter itu disambung merentasi Sungai Golok melalui dasar sungai ke negara jiran.

Modus operandi penyeludup itu dikesan sepasukan anggota PGA yang membuat rondaan di Pangkalan Haram Kertas di Gual Tok Deh, Rantau Panjang, kelmanarin.

"Anggota pasukan mengesan sebuah kenderaan yang dililit dalam keadaan mencuri-gakan pada jam 9 pagi yang memasuki pangkalan haram. Pegawai dan anggota yang

membuat pemerhatian kemudiannya menyerbu kenderaan itu.

"Pemeriksaan dalam kenderaan membawa kepada pemenuhan dua tong berwarna putih berisi petrol. Berhampiran kawasan itu juga dijumpai dua lagi tong berisi petrol dan enjin pam lengkap dengan paip getah menuju ke pembetung simen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut dalam lubang pembetung itu pula menemui satu lagi enjin pam dengan saluran paip dipasang menuju ke dasar sungai terus ke tebing sungai di negara jiran, disyaki digunakan untuk kegiatan



Anggota KPDNHEP Kelantan menunjukkan salur paip yang dipasang merentasi Sungai Golok bertujuan menyeludup petrol dari Malaysia ke negara jiran.

(Foto ihsan PGA9)

penyeludupan bahan api.

"Susulan kejadian itu, pemandu kenderaan berusia 40-an ditahan untuk soal siasat di Balai Polis Rantau Panjang, manakala semua barang dan peralatan yang digunakan dalam kegiatan itu dirampas.

"Anggaran rampasan bernilai RM15,522, termasuk kenderaan,

petrol serta peralatan yang digunakan.

"Semua barang dan kes diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 21 Akta Kawalaran Bekalan 1961," kata-

nya. BERNAMA



ANGGOTA pengawal kuasa menunjukkan batang paip PVC yang merentasi Sungai Golok untuk menyeludup petrol dari Malaysia ke Thailand. - Gambar/IHSAN PGA

Minyak rentas dasar sungai

Aktiviti seludup petrol guna paip terbongkar di pangkalan haram Kampung Gual To'Deh



BATANG paip PVC sepanjang 300 meter yang merentasi Sungai Golok.



LOKASI tersorok aktiviti penyeludupan petrol yang dikesan pihak berkuasa.

Oleh Syaherah
Mustafa
arn@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Kebijaksanaan' seorang penyeludup mencipta saluran minyak melalui dasar sungai untuk menyeludup petrol akhirnya dikesan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) di pangkalan haram Kertas, Kampung Gual To'Deh di sini, kelmarin.

Kejayaan mengesan aktiviti itu hasil kecekapan anggota yang turut memrampas petrol, peralatan penyeludupan serta sebuah kereta dengan nilai keseluruhan RM15,522.50 sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan.

Pegawai Pemerintah Batallion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9), Superintenden Nor Azizan Yusof berkata, dalam kejadian jam 9 pagi itu, anggota bertugas terserempak sebuah kereta Proton Waja menuju ke arah pangkalan dalam keadaan mencurigakan sebelum

mendekatinya.

Beliau berkata, anggotanya meminta pemandu lelaki berusia 40-an menggunakan dokumen pengenalan diri selain membuat pemeriksaan ke atas tubuh badannya namun tidak menemui bahan yang tidak sah.

"Bagaimanapun, pemeriksaan di dalam kereta itu menemui dua tong berwarna putih disyaki berisi petrol. Selain itu, anggota turut menemui enjin pam lengkap dengan getah paip menuju ke sebuah gelung konkrit.

"Hasil pemeriksaan di dalam gelung konkrit pula terdapat satu lagi enjin pam dipasang dengan batang paip Polyvinyl Chloride (PVC) menghala ke sungai.

"Selepas diperiksa, PVC berkenaan dipasang sepanjang 300 meter merentasi Sungai Golok disyaki dijadikan saluran untuk menyeludup petrol dari negara ini ke tebing sungai negara jiran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, terdapat besi pada dasar sungai dan suspek mengakui ia bertujuan untuk menghalang

batang PVC daripada pecah jika aliran air sungai deras.

Menurutnya, suspek yang tinggal di Tumpat itu ditahan manakala minyak serta peralatan penyeludupan dirampas untuk dibawa ke balai polis bagi tindakan lanjut dan kes di siasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Soal siasat yang diajarkan terhadap suspek mendapati dia menjalankan aktiviti berkenaan sejak November tahun lalu. Malah, dia mengaku mencipta sendiri saluran berkenaan selepas belajar cara pembuatan dengan mereka yang pakar.

"Tong tersedia di sebelah negara jiran dipercayai boleh menerima sehingga 1,000 liter petrol. Suspek memberitahu permintaan di Thailand hampir setiap hari namun dia hanya menjalankan kegiatan ini jika suasana dilihat selamat daripada pengawal kuasa.

"Suspek disyaki mendapatkan bekalan petrol di stesen minyak berdekatan sebelum membawanya ke lokasi ini yang agak tertutup dari jalan utama," katanya.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 14

Bid to smuggle petrol across border foiled, man nabbed

RANTAU PANJANG: The General Operations Force (GOF) seized petrol and equipment used to smuggle petroleum products to Thailand in an operation on Wednesday. A local man suspected to be a smuggler was also arrested in the operation at the illegal jetty in Kertas, near here. GOF Ninth battalion commanding officer Superintendent Nor Azizan Yusof said a team was conducting surveillance at the area when they saw a suspicious car heading to the jetty at 9am. "They decided to follow the car until it reached the banks of Sungai Golok. After checking the driver, they found two plastic containers filled with petrol, an engine, a pump set and several metres of pipes," he said yesterday. He added that the suspect was immediately apprehended.

Plan to siphon petrol across Thai border outwitted

PASIR MAS: It was an ingenious plan to siphon petrol from Malaysia to Thailand – with the use of a rubber hose across the bed of a boundary river – to transfer the fuel.

But the authorities got a “whiff” of the strategy and immediately put a stop to it.

Commanding Officer of the 9th Battalion General Operations Force (PGA9) Supt Nor Azizan Yusof said this latest modus operandi to smuggle fuel out of the country was detected by GOF personnel on patrol at an illegal jetty at the Malaysian-Thai border on Wednesday.

“They found two drums of petrol in a vehicle and also an engine pump that was fitted with a rubber hose that trailed all the way to a makeshift cement cylinder planted to the ground,” he said in a statement here on Thursday.

Another pump was found in the cylinder which was fitted to a rubber hose and was connected to the river bed all the way to a jetty on the Thai side.

Supt Nor Azizan said the driver, in his 40s, was immediately detained.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 5

Rubber hose ploy to smuggle petrol foiled

PASIR MAS: A plan to siphon petrol from Malaysia to Thailand using a rubber hose across the bed of a boundary river has been foiled by the 9th Battalion General Operations Force (GOF).

GOF commanding officer Supt Nor Azizan Yusof said the latest modus operandi to smuggle fuel out of the country was detected by its personnel on patrol at an illegal jetty at the Malaysian-Thai border on Wednesday.

"At 9am, the team ambushed a vehicle near a jetty at Gual Tok Deh in Rantau Panjang. They found two drums of petrol in the vehicle and also an engine pump that was fitted with a rubber hose that trailed to a makeshift cement cylinder in the ground," he said.

Nor Azizan said the driver was detained, adding that all the items and equipment were handed to the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry for further action. - Bernama



Usahawan tempatan kini bangkit

Pandemik bukan alasan, kreatif hasilkan pasaran baru

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

Pandemik Covid-19 yang masih membekalkan negara memberi kesan besar kepada pengusaha tempatan, ramai yang terjejas dan terpaksa menutup operasi.

Namun, ia bukan satu kekangan bagi beberapa pengusaha untuk terus kembali bangkit meneruskan perniagaan.

Aktif hasil produk baru

Setiap pengusaha perlu mencari alternatif lain dengan mengeluarkan produk tambahan tanpa bergantung produk utama untuk kekal dalam pasaran, demikian kata Pengarah G&H Cake House, Haniz Amira Ahamat.

Berikutnya perniagaannya yang turut terkesan kerana PKP, beliau mencari alternatif lain dengan mengeluarkan produk baharu iaitu biskut oat meal (vegetarian).

Produk snek kesihatan ini dihasilkan bertujuan untuk membantu perniagaan kek yang agak kurang dari segi pasaran dan permintaan.

"Perniagaan kek ini bermusim. Jika musim perayaan memang permintaan tinggi. Sejak PKP pasaran memang berkurangan," jelasnya.

Beliau tidak menyangka produk barunya mendapat tempahan tinggi berikutnya ejen yang dilantik dapat bergerak lebih aktif.

Selain itu, beliau turut mengeluarkan produk sejuk beku iaitu frozen churros, popia carbonara dan bebola keju.

"Ketika PKP semua orang hanya duduk di rumah. Jadi, kami usahakan produk yang mudah dimasak dan disukai.

"Sebagai pengusaha memang kena kreatif dan tidak boleh hanya duduk menyerah kalah. Perlu hasilkan produk baru yang ada permintaan, katanya.

Bagi Haniz Amira, setiap peniaga perlu sedaya upaya mencari produk yang boleh dipasarkan dan mengambil peluang yang ada untuk terus kekal dalam pasaran.



Pengarah Urusan Prisma Quantum Sdn Bhd, Mohd Fo'at Abd Jalil, akui perniagaannya yang berdasarkan permainan pendidikan (education toy) jenama Agola untuk murid tadika terjejas.

"Agola dikeluarkan pada 2019 iaitu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Masa itu perniagaan memang rancang melalui promosi produk dan jenama. Kami lantik ejen-ejen, buka gerai jualan dan jual dalam talian.

"Apabila Covid-19 melanda dan semua sekolah ditutup, produk kami juga tidak boleh bergerak. Pasaran produk hanyalah sampaikan tiga sahaja sehingga sekarang ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, memulakan jenama Agola memerlukan pelaburan yang sangat tinggi khususnya pembinaan prototaip.

Beliau diarahkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk membina satu jenama barang yang boleh dipasarkan di luar negara.

Dari situ lah tercetusnya produk dengan jenama Agola yang dihasilkan 80 peratus persamaannya dengan alat permainan Lego tetapi dengan harga yang lebih murah.

Mohd Fo'at turut melakukan inovasi produk Agola kepada pembinaan robotik untuk kegunaan pelajar sekolah rendah dan menengah dengan hanya menggunakan telefon untuk menggerakkan robot tersebut.

Produk Agola untuk pendidikan

"Di Malaysia setiap sekolah hanya ada satu atau dua set robotik sahaja kerana satu set robotik berharga RM5,000. Set robotik saya hanya berharga RM500 dan mampu dimiliki sesetengah ibu bapa untuk kegunaan anak mereka di rumah," katanya.

Beliau berharap dengan pembukaan sesi persekolahan akan datang dapat membantu mengembangkan semula jenama Agola selepas ini.



Mohd Fo'at berharap sesi persekolahan nanti dapat mengembangkan semula jualan Agola.

Beri diskain kepada pemborong

Pengarah Urusan Industri Makanan Jati, Tan Poh Kong menyifatkan penjagaan kualiti bahan mentah merupakan salah satu cara untuk mengelakkan produk mereka dalam pasaran.

Tarbiyah, mereka turut menawarkan potongan harga bermula lapan hingga 10 peratus bagi semua pemborong.

"Sekarang kebanyakan bahan mentah sudah naik harga tetapi kami tak boleh naik sesuka hati naikkan dalam keadaan sekarang ini."

"Kami tidak menaikkan harga supaya harga kami kompetitif, kami juga kualiti dan tidak beralih bahan mentah yang murah supaya kualiti terjaga dan pelanggan tidak beralih jenama lain," katanya.

Bagaimanapun, syarikatnya kini dalam fasa pemulihan berikutnya kejatuhan lebih 50 peratus sejak pandemik melanda negara kerana masih ada restoran yang belum membuka operasi sepenuhnya.

Syarikatnya memasarkan tepung goreng untuk golongan peniaga restoran, pasar malam dan juga hotel.



Poh Kong memberi potongan harga bermula lapan hingga 10 peratus bagi semua pemborong.

Buat CSR, guna media sosial

"Sebelum pandemik, produk kami (berih jagung) dapat menembusi pasaran secara meluas dan popular dalam kalangan rakyat Malaysia."

"Ketika pandemik, kami bergenak ke platform e-dagang untuk kekal relevan dan produk lebih dikenali," kata Pengarah Eksekutif Holistic Food Sdn Bhd, Louis Liew Kuo Wei.

Menurutnya, industri snek makanan mempunyai persaingan yang sangat sengit dan sentiasa dimonopoli oleh Multi National Company (MNC), namun dengan produk berkualiti dan harga berpatutan, mereka mampu bersaing dengan syarikat besar.

Pihaknya melakukan promosi secara terbuka dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan Pusat Kuaran di Serdang.

"Kami juga mengadakan 'cross branding' dengan syarikat seperti Tealive serta menggunakan media sosial sebagai alat promosi."

"Jangan takut untuk melabur lebih dalam bahagian pemasaran untuk mengukuhkan jenama buatan Malaysia sebaliknya kita perlu meneruskan usaha sehingga boleh mengeksport ke pasaran yang lebih tinggi," jelasnya.



Louis Liew menggunakan platform e-dagang untuk jualan berih jagung.

INFO

- G&H Cake House Sdn Bhd
No. 46, Jalan Melor 2 Desa Melor,
48200 Serendah,
Rawang Selangor
• Facebook and Instagram:
miziffbakers
- Prisma Quantum Sdn Bhd
No. 27 Jalan Anggerik Mokara
31/57 Seksyen 31, Kota Kemuning,
40460 Shah Alam Selangor
• Facebook: AGOLA
- Industri Makanan Jati Sdn Bhd
Lot No. 7, Jalan 22/5 Seksyen
22, Gravitas, 40300 Shah Alam
Selangor
• Facebook: Tepung Aroma
Malaysia
- Holistic Food Sdn Bhd
No. 86, Jalan Apollo U5/198,
Bandar Pinggiran Subang, 40150
Shah Alam Selangor
• Facebook: Supremeo popcorn

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 5

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KEMPEN BELI
**BARANGAN
MALAYSIA**

#barangbaikbarangkita

BUATAN MALAYSIA
MADE IN MALAYSIA

*Jom
Sokong
dan Beli*

www.kpdnhep.gov.my

@kpdnhep KPDNHEP TV

The poster features the Malaysian coat of arms at the top. Below it is the text 'KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA'. The central focus is the 'KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA' logo, which includes a stylized shopping bag icon and the hashtag '#barangbaikbarangkita'. Below this is the 'MADE IN MALAYSIA' logo with the colors of the Malaysian flag. The main slogan 'Jom Sokong dan Beli' is written in a large, flowing script. At the bottom, there is a photograph of a man and a woman standing on a red escalator, surrounded by various Malaysian products like food and drink items. The bottom of the poster has the website 'www.kpdnhep.gov.my' and social media links for Twitter, Instagram, Facebook, and YouTube, along with the text '@kpdnhep' and 'KPDNHEP TV'.

Minda
Pengarang

ISMAIL DAUD

Tangani kenaikan harga barang

ISU kenaikan harga kini berlaku dalam semua sektor. Suri rumah merungut harga ikan, ayam dan sayur-sayuran naik mendadak, kontraktor binaan resah dengan kenaikan harga semua bahan binaan terutama besi manakala pesawah terhebat dengan kenaikan harga benih padi dan racun.

Kenaikan harga bahan mentah ini ada kesan rantaian yang panjang jika tidak ditangani dengan berkesan. Kenaikan harga bahan binaan akan mendorong kepada kenaikan harga rumah.

Memandangkan harga rumah sudah sedia tinggi, peningkatan berterusan harga rumah bermakna semakin ramai yang tidak berupaya untuk memiliki rumah sendiri pada masa depan.

Harga bahan mentah makanan pula menjurus kepada kenaikan harga makanan bermasak. Hari ini, kalau makan nasi campur di kedai di Lembah Klang, sukar untuk mendapat harga di bawah RM10. Kita semua memang cuba berjimat.

Dan kalau kita tanya peniaga, mereka akan mengakui hasil jualan mereka menurun sedikit berbanding semasa sebelum pandemik. Itu kisah di bandar.

Di Kampung Serting Ilir, Jempol, seorang penoreh berkata, dia hanya memperoleh RM250 selepas 10 hari dia mengambil upah menoreh. Bagaimana mereka ini hendak ‘hidup’ jika harga barang terus meningkat?

Justeru, harapan rakyat menggunakan tinggi untuk melihat pembentangan bajet kali ini turut menjadikan isu kenaikan harga barang ini sebagai fokus, apakah lagi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan bahawa tiada golongan yang akan tercincir.

Paling berharap tentunya mereka yang tinggal di luar bandar dan juga golongan miskin bandar yang semakin ramai ekoran pandemik Covid-19 yang menyaksikan peningkatan mendadak jumlah pengangguran.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan kumpulan ini mungkin sudah merangkumi 60 peratus penduduk negara.

Kita akui tidak akan ada barang yang kekal harganya sampai bila-bila wajima barang di bawah harga kawalan turut mengalami kenaikan dari semasa ke semasa. Cuma ia tidak begitu ketara kerana dikawal oleh kerajaan.

Inilah yang dimahukan oleh rakyat iaitu harga terkawal. Walaupun Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka dan pasaran bebas tetapi kerajaan mesti memainkan peranan dalam isu harga barang supaya tidak dimanipulasi peniaga.

Kerajaan bukan sahaja perlu peka tetapi lebih penting bertindak pantas dan tegas. Kalau perlu perkenalkan kawalan harga atau harga siling, lakukan segera. Kerajaan mesti dilihat responsif kepada keluhan rakyat. Jangan biarkan isu harga dimainkan oleh media selama berhari-hari.

Dalam masa yang sama, kuasa beli rakyat perlu juga dipertingkatkan sama ada menerusi penetapan gaji minimum yang lebih tinggi atau bantuan-bantuan kepada yang benar-benar memerlukan.

Yang pasti, pemberian pelbagai insentif tunai kepada rakyat akan lebih bermakna jika mereka dapat menikmati setiap ringgit yang diberikan itu dengan membawa lebih banyak barang keperluan untuk keluarga.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 29/10/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam RM6.49
Daging Lembu Tempatan RM35
Daging Lembu Import RM15.50

Telur Cred A. RM10.90
Ikan Kembung RM10.99
Minyak Masak RM6.50

Gula Pasir RM2.85
Bawang Besar Holland RM2.69
Bawang Putih RM6.90

Cili Merah RM7.99
Kubis Bulat Tempatan RM2.99
Tepung Gandum RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP